

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Kementerian untuk menggalakkan lebih ramai peneroka Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) menceburi bidang keusahawanan dalam membantu mereka menambah hasil pendapatan.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usahawan FELDA yang berdaftar di bawah sistem FELDA sehingga 31 Oktober 2020 adalah seramai 15,263. Aktiviti perniagaan yang diceburi oleh usahawan tersebut meliputi lapan kategori seperti berikut:

- i. Perkhidmatan
- ii. Perniagaan
- iii. Ternakan
- iv. Perusahaan
- v. Kraf
- vi. Tanaman
- vii. Akuakultur
- viii. Atas Talian (*online*)

2. Bagi meningkatkan lagi bilangan usahawan, FELDA telah melaksanakan kerjasama, latihan keusahawanan, aktiviti, promosi dan pemasaran melalui Program Vendor SAWARI (Satu Wilayah Satu Industri) FELDA.

3. Sehingga kini, FELDA telah melaksanakan program kerjasama dalam usaha memperkasa aktiviti keusahawanan FELDA seperti berikut:

- i. Kerjasama dengan Shopee - Mewujudkan platform Online SAWARI.Shopee.

SOALAN NO : 54

- ii. Kerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) - Program Pembangunan Usahawantani FELDA
 - iii. Kerjasama bersama TERAJU
 - iv. Kerjasama dengan Jabatan Pertanian, MARA, FAMA, Jabatan Veterinar dan lain-lain agensi.
4. Selain itu, menerusi latihan keusahawanan FELDA, sehingga Oktober 2020 sebanyak 33 kursus telah dilaksanakan dengan memberi manfaat kepada 1,052 orang Usahawan FELDA.
5. Aktiviti, promosi dan pemasaran juga telah diusahakan oleh FELDA dengan menjalin kerjasama hypermarket dan supermarket seperti AEON JUSCO, TESCO, Mydin Mohamed Holdings Berhad dan KHJ Group (Johor) melibatkan jualan produk Usahawan FELDA.
6. Bagi meningkatkan bilangan usahawan FELDA, Program Pembangunan Peneroka (PPP) telah membantu menambah bilangan usahawan baru dan memperkasakan usahawan FELDA sedia ada ke arah ternakan dan pertanian moden (*Smart Farm*) secara berskala besar.

Sekian, terima kasih.